

1984

KUALA LUMPUR, 9 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGECEM DAP KERANA MEMUTARBELITKAN KENYATAAN BERHUBUNG DENGAN ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN.

PEROANA MENTERI BERKATA DALAM SATU NADA MEREKA TIDAK MENYOKONG PINDAAN ITU KERANA BERPENDAPAT YANG DIPERTUAN AGONG TIDAK MEMPUNYAI HAK DIBAWAH PINDAAN ARTIKEL 66 TETAPI DALAM NASA YANG SAMA MEREKA KATA RAJA TIDAK ADA HAK.

BERUCAP SEBELUM MENGGULUNG PERSAHASAN RANG UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 1984 DI DEWAN RAKYAT, BELIAU BERTANYA YANG MANA S A T U BETUL.

'SAYA HARAP DAP ADAKAN KURSUS CARA BERCAKAP YANG BETUL,'  
DIBAMBUHDENGAN TEPUK SORAK OLEH PENYOKONG KERAJAAN.

PEROANA MENTERI SERKATA PERKARA PINDAAN YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN SUKANLAH GANJIL KERANA BEBERAPA NEGARA LAIN JUGA BERBUAT DEMIKIAN TERMASUK INDIA DAN KUWAIT. -- LAGI 2040/11  
PARLIMEN - GULUNG 2 KUALA LUMPUR

KATANYA ADA TIGA PERKARA DI MANA YANG DI-PERTUAN AGONG TIDAK PERLU MENDAPAT NASIHAT PERDANA MENTERI IAITU PEMILIHAN SEORANG PERDANA MENTERI; MENAHAN PEMBUBARAN PARLIMEN DAN MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA SERTA PERKARA-PERKARA LAIN YANG DISEBUT DALAM PERLEMBAGAAN.

MENGENAI DAKWAAN DAP BAHAWA TEMPOH YANG DIBERIKAN KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG TERLALU SINGKAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TEMPOH 30 HARI ADALAH MENCUKUPI.

INI IALAH KERANA TIDAK SEMUA RANG UNDANG-UNDANG ITU MEMERLUKAN PENELITIAN YANG BAKSAMA OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG DAN JIKA ADA YANG MEMERLUKAN PENELITIAN MAKA SERI PADUKA AKAN MERUJUK KEPADA PARLIMEN.

MENGENAI DAKWAH DAP YANG BERKATA RAKYAT TIDAK DIBERITAHU LANGSUNG MENGENAI PINDAAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK SEMUANYA DAPAT DIBERIKAN KEPADA RAKYAT TERLEBIH DAHULU.

+JIKA AHLI YANG BERTAMBAH DAPAT MEMBERIKAN TEKS UCAPANNYA KEPADA SEMUA ANGGOTA-ANGGOTANYA SEBELUM BERCAKAP SAYA AKAN BERBUAT DEMIKIAN KELAK.+ TAMBAHNYA. -- LAGI 2119/8A

**PARLIMEN - GULUNG 3 KUALA LUMPUR**

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RENCANA YANG PERTAMA DIKELUARKAN UNTUK BACAAN MUALAH OLEH 'ROKET' LIDAH RASMI DAP DAN INI MENIMBULKAN KEHEBOHAN.

SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCXK LIM KXT SIANG BANGUN DAN BERKATA "XNX MENUNJUKKAN ROKET KUAT."

"SAYA LEBIH KUAT DARI ROKET KERANA SEKIRANYA SAYA TARIK BALIK KDN, ROKET JATUH," DISAMBUT DENGAN GELAK KETAWA OLEH ANGGOTA DEWAN TERMASUK ANGGOTA-ANGGOTA DAP.

MENGENAI UNDANG-UNDAGN DARURAT, BELIAU BERKATA SELAGI 'RAKYAT MEMBERI KEPERCAYAAN KEPADA BARISAN NASIONAL SELAGI ITULAH IA DIKEKALKAN UNTUK KESELAMATAN RAKYAT.

TAMBAHNYA UNDANG-UNDANG TERSEBUT JUGA PERLU UNTUK MENGATASI ANCAMAN KOMUNIS YANG MASIH UJUD O X NEGARA INI, MANAKALA UNDANG-UNDANG DARURAT YANG OXKENAKAN DI KELANTAN DAN SARAWAK IALAH KERANA KEADAAN-KEADAAN TERTENTU.

MEMANDANGKAN SEMUA ITU, UNDANG-UNDANG DARURAT TERPAKSA DIKUATKUASAKAN BERBAMA-SAMA DENGAN UNDANG-UNDANG BIASA WALAUPUN PADA KEADAAN KESELURUHANNYA SEOLAH-OLAHTIDAK WUJUD OARURAT. -- LAGI 2125/11

TCZC 2680

**PARLIMEN - GULUNG 4 KUALA LUMPUR**

BELIAU MENGERI JAMINAN UNDANG-UNDANG ITU TIDAK AKAN DISALAH-GEJUKAN TERHADAP RAKYAT SEKIRANYA MEREKA TIDAK MELAKUKAN REBALAHAN YANG BOLEH DITUDUH DI BAWAH UNDANG-UNDANG ITU.

MENJAWAB TUDUHAN ANGGOTA PARLIMEN DAP JELUTONG ENCIK KARPAL SINGH MENGENAI HAK UNTUK MENYUARAKAN PENDAPAT BELIAU BERKATA RAKYAT BEBAS BERBUAT DEMIKIAN.

DALAM PADA ITU KERAJAAN JUGA BERTAK MENANGKIS SEGALA TUDUHAN YANG DILEMPANKAN TERHADAPNYA SEPERTI YANG DILAKUKAN OLEH MENTERI PENERANGAN DATUK SERI MOHAMAD ADIB ADAM TERHADAP PENULIS TAN SRI DR. TAN CHEE KHOOON DALAM SEBUAH AKHBAR MENGENAI PINDAAN ITU.

SAMBIL MEMANDANG KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA DAP, DR MAHATHIR BERKATA JIKA DAP BENAR-BENAR JUJUR MENDUKUNG RAJA-RAJA MELAYU MEREKA SEPATUTNYA MEMAKTUBKAN PERKARA ITU DALAM PERLEMBAGAAN MEREKA SEPERTI UMNO. -- BERNAMA 2126/8A